

# Kolokium Pascasiswazah FPEP bantu tingkat kelancaran pengajian PhD, sarjana pelajar UMS

**KOTAKINABALU:** Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) UMS mengambil inisiatif meningkatkan kelancaran pengajian doktor falsafah dan sarjananya dengan menganjurkan Kolokium Pascasiswazah FPEP 2018 baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengajian Dr Kamisan Pusiran menjelaskan, objektif kolokium itu bagi menyemarakkan budaya berkongsi pengalaman awal mengenai penyelidikan yang dijalankan dalam kalangan pelajar.

“Ini penting bagi mengekalkan momentum pengajian yang positif, sekali gus akan menyuntik keyakinan pelajar untuk terus konsisten dalam pengembalaan penyelidikan mereka.

“Melalui kolokium ini, kaedah pembentangan yang digunakan berbentuk penerangan ringkas selama tiga minit mengenai kajian yang dijalankan dan perkembangan semasa pengajian,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof Dr Rasid Mail ketika berucap merasmikan program itu berkata, adalah amat penting bagi pelajar pascasiswazah mengamalkan disiplin berada dalam kampus



**RASID** merasmikan Kolokium Pascasiswazah FPEP 2018.

sambil mengikuti sebanyak mungkin sesi-sesi akademik berkaitan seperti kolokium yang diadakan.

“Secara tidak langsung para pelajar akan dapat memastikan proses pengajian mereka berjalan lancar dan pelbagai input baharu diperoleh bagi memperkemaskan lagi tesis mereka,” katanya.

Terdahulu, Dekan FPEP Prof Madya Dr Raman Noordin ketika menyampaikan ucapan aluan berkata, pengajian program seumpama ini secara tidak langsung memberi manfaat besar kepada pelajar dan penyelia pelajar berkenaan.

“Kolokium ini tidak hanya mampu memberi galakan bukan sahaja kepada para

pelajar bahkan juga kepada para penyelia pelajar mengenai nilai tambah yang perlu dilakukan kepada tesis pelajar masing-masing setelah mendengar sendiri pembentangan kelompok yang dihadiri.

“Kesediaan para pelajar untuk membentang di fasa kelulusan Cadangan Kajian dan *viva-voce* juga dapat ditentukan dan diperbaiki menerusi prestasi di kolokium ini,” katanya.

Seramai 120 orang pelajar mengambil bahagian dalam kolokium siri pertama yang merupakan program perintis diperkenalkan oleh FPEP bagi meneruskan usaha fakulti menghasilkan graduan doktor falsafah dan sarjana yang berkualiti dari UMS.



**PARA** peserta kolokium merakamkan gambar kenangan.